

Mampu agih hibah 3 hingga 4 peratus

Kuala Lumpur: Tabung Haji (TH) dijangka mampu memberi pulangan hibah antara tiga dan empat peratus untuk tahun 2019, lebih tinggi berbanding 1.25 peratus pada 2018, berdasarkan prestasi kewangan semasa memberangsangkan yang ditunjukkan pengurus dana haji negara itu.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Fakulti Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata prestasi semasa TH itu disumbangkan menerusi langkah TH melabur dalam aset pelaburan yang lebih selamat seperti hartanah.

“Malah, berbanding prestasi

TH yang merosot pada 2018 disebabkan oleh rosot nilai yang mana sebenarnya tidak membabitkan tunai atau keuntungan daripada operasi yang biasa.

“Secara fundamental, pelaburan TH memang kukuh dan teguh. TH mampu memberi prestasi yang bagus kerana ia banyak menumpukan pelaburan dalam hartanah berbanding ekuiti yang kita tahu ia tidak stabil.

“Malah, banyak rosot nilai yang dibuat sebelum ini disebabkan oleh ekuiti. Maka apabila strategi pelaburan itu lebih kepada aset yang memberi pulangan stabil seperti hartanah, maka kita seme-

Fakta Nombor

1.25 peratus

pulangan hibah TH 2018

RM71 bilion

jumlah deposit setakat
30 Jun 2019

mangnya menjangkakan ia akan memberi pulangan sedemikian rupa,” katanya ketika dihubungi BH.

Beliau mengulas prestasi separuh pertama 2019 TH semalam yang melaporkan keuntungan bersih meningkat kepada RM815 juta, dengan lebih aset sebanyak RM1.8 bilion.

Prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik itu dipacu oleh strategi pelaburan yang mampan serta langkah pengurusan kos yang berhemat.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berkata, pendapatan TH akan terus meningkat apabila menerima pembayaran daripada

Urusharta Jamaah Sdn Bhd menerusi sukuk yang sudah diterbitkan.

“Aset TH juga lebih daripada liabiliti kerana tidak berlaku situasi *bank run*, iaitu pen deposit mengeluarkan simpanan mereka beramai-ramai pada suatu masa menyebabkan bilangan pen deposit masih kekal tinggi.

“Ini ditambah dengan pulangan majoriti pelaburannya daripada hartanah yang masih memberi keuntungan serta kurang kebergantungan kepada aset luar negara dan ekuiti yang boleh terjejas disebabkan prestasi global yang merudum, disini kelebihan TH,” katanya.